Pendakwa Raya lwn Siau Boon Po

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO J1–45–55 TAHUN 2005
SURAYA OTHMAN H
22 SEPTEMBER 2008

Prosedur Jenayah — Hukuman — Rayuan terhadap hukuman — Sama ada hukuman yang dikenakan wajar — Sama ada kepentingan awam diimbangi dengan kepentingan tertuduh — Sama ada faktor mitigasi diambil kira — Sama ada pengakuan salah merupakan faktor peringanan hukuman secara automatik

Perayu/tertuduh dan Lau Kok Seng/si mati terlibat dalam satu pertengkaran akibat kejadian himpit menghimpit di lebuh raya. Pertengkaran berterusan selepas tertuduh telah memberhentikan keretanya atas dorongan si mati. Tertuduh yang tidak dapat mengawal kemarahannya seterusnya mengambil pedang dan melakukan serangan terhadap si mati dan menghunuskan pedang tersebut ke leher si mati. Si mati meninggal dunia di tempat kejadian. Bedah siasat ke atas si mati menunjukkan bahawa kematian berpunca daripada kecederaan akibat tetakan pada tulang leher yang memutuskan saraf tunjang si mati. Tertuduh pada asalnya menghadapi pertuduhan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Walau bagaimanapun, selepas rayuan tertuduh, pertuduhan pilihan di bawah s 304(a) Kanun telah ditawarkan dan tertuduh mengaku salah. Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara 14 tahun dari tarikh dia ditangkap. Tertuduh merayu terhadap hukuman, manakala pihak pendakwaan pula membuat rayuan balas terhadap perintah mahkamah tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Hukuman yang wajar bagi tertuduh telah diberikan setelah mengambilkira kepentingan awam dan mengimbanginya dengan kepentingan tertuduh. Si mati telah ditetak dengan pedang oleh tertuduh hanya kerana suatu pergaduhan lisan antara si mati dan tertuduh. Provokasi tersebut tidak cukup untuk menjustifikasikan perbuatan tertuduh yang tidak dapat mengawal kemarahannya menyebabkan nyawa seseorang telah melayang. Tindakan menggunakan pedang sebagai alat untuk menakutkan si mati adalah suatu tindakan yang salah kerana tertuduh pastinya sedar bahawa senjata itu boleh mengancam nyawa seseorang (lihat perenggan 11–12).

(2) Dengan mengguna pakai prinsip berpadanan kesetimpalan dalam hukuman, mahkamah berpandangan bahawa hukuman tersebut hendaklah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Seterusnya, faktor mitigasi pengakuan salah tertuduh telah diambil kira berdasarkan kepada hukuman yang akan dikenakan dan bukan berdasarkan kepada hukuman maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang. Mahkamah juga sedia maklum bahawa tidak ada sebarang peraturan yang menyatakan bahawa pengakuan salah merupakan suatu faktor yang membolehkan tertuduh mendapatkan hukuman yang ringan secara automatik (lihat perenggan 14–15).

(3) Sungguhpun rekod sabitan lampau menunjukkan bahawa tertuduh pernah diberikan bon berkelakuan baik pada tahun 1987 atas kesalahan mencuri namun ia tidak digunakan sebagai faktor pemberat di dalam kes tersebut. Maka, tertuduh dikenakan hukuman penjara selama 14 tahun berkuat kuasa dari tarikh tertuduh ditangkap. Mahkamah berpendapat hukuman penjara yang dikenakan adalah wajar, adil dan berpatutan berdasarkan kepada fakta dan keadaan kes tersebut (lihat perenggan 15–16).

[English summary

The appellant/accused and Lau Kok Seng/the deceased were involved in an argument after trying to ram into each other on the highway. The argument prolonged after the accused stopped his car on being provoked by the deceased. The accused, who could not control his anger subsequently took out a sword and attacked the deceased and pointed the sword toward the neck of the deceased. The deceased died on the spot. The post mortem on the deceased showed that the death was caused by the injuries as a result of the slash on the neck bone which severed the spinal cord of the accused. The accused initially faced the charge of murder under s 302 of the Penal Code ('the Code'). However, upon an appeal by the accused, an alternative charge under s 304(a) of the Code was offered and the accused pleaded guilty. The accused was sentenced to prison for a term of 14 years from the date of his arrest. The accused appealed against the sentence, whereas the prosecution counter appealed against the court order.

Held, dismissing the appeal:

(1) The appropriate sentence on the accused had been imposed after taking into account the public interest and balanced with the interest of the accused. The deceased was slashed using a sword by the accused merely because of an oral argument between the deceased and the accused. The provocation was not sufficient to justify the act of the accused who

could not control his anger causing the death of a person. The act of using a sword as a tool to frighten the deceased was a wrong action as the accused would be aware that such weapon could harm a person's life (see paras 11–12).

(2) With the application of the principles of proportionality in sentencing, the court was of the view that the sentence should be balanced with the offence that was committed. Further, the mitigation factor of plea of guilt of the accused was taken into account based on the sentence imposed and not based on the maximum sentence set by the law. The court was also aware that there were no rules setting out that the plea of guilt was a factor which entitled the accused to get a reduced sentence automatically (see paras 14–15).

(3) Although the record of past convictions showed that the accused was granted a good behaviour bond in 1987 for the offence of stealing, however, it was not used as a aggravating factor in the case. Thus, the accused was imposed the sentence of 14 years imprisonment to take effect from the date of his arrest. The court was of the view that the sentence of imprisonment that was imposed was appropriate, just and fair based on the facts and the circumstances of the case (see paras 15–16).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3342–3392.

Kes-kes yang dirujuk

Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167; [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209, MP (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102, HC (dirujuk)
R v Kenneth John Ball [1951] 35 Cr AppR 164 (dirujuk)
Soong Hee Sin v PP [2001] 2 SLR 253, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 302, 304(a)

Shamsul Sulaiman (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Edmond Bond (Nik Mohd Ikwan bersama beliau) (Chooi & Co) bagi pihak tertuduh.

Suraya Othman H:

[1] Perayu pada asalnya menghadapi pertuduhan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Selepas merayu kepada pihak Peguam Negara perayu

telah ditawarkan dengan pertuduhan pilihan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan. Berikutan dengan itu perayu telah mengaku salah dan mengakui fakta kes yang dikemukakan oleh timbalan pendakwa raya ('TPR').

[2] Pertuduhan pilihan di bawah s 304(a) adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 24 Februari 2005, antara pukul 7.30 hingga 8.00 malam, di KM 3.7 Lebuh Raya Seremban-Kuala Lumpur menghala ke Kuala Lumpur, di dalam daerah Petaling, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan kesalahan homisid salah yang tidak terjumlah kepada membunuh, iaitu, dengan menyebabkan kematian Lau Kok Seng dengan cara menetak lehernya dengan sebilah pedang/parang sehingga putus saraf tunjangnya, dan oleh yang demikian itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan.
>
> Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi dua puluh tahun dan boleh dikenakan denda.

FAKTA KES

[3] Fakta kes (P4) adalah seperti berikut:

(1) Tertuduh bernama Siau Boon Po seorang lelaki berketurunan Cina, dilahirkan pada 18 September 1973. Pada waktu kejadian dia berumur 33 tahun. Sebelum ditangkap dia menjalankan perniagaan dalam bidang pengiklanan.

(2) Mangsa bernama Lau Kok Seng juga seorang lelaki berketurunan Cina. Dilahirkan pada 31 Mac 1970. Pada masa kematiannya dia berumur 35 tahun. Sebelum kematiannya dia bekerja sebagai seorang jurutera dengan Syarikat Penerbangan Malaysia.

(3) Dua minggu selepas sambutan Tahun Baru Cina pada hari Khamis 24 Februari 2005 antara pukul 7.30 hingga 8.00 malam, tertuduh sedang dalam perjalanan melalui lebuh raya KESAS menuju ke Lebuh Raya Kuala Lumpur-Seremban. Dia memandu kereta pacuan 4-roda/SUV Kia Sorento bernombor pendaftaran MBD 9444 datang ke Lembah Klang dari Melaka pada tengah hari itu atas urusan perniagaan bersama dengan isterinya Kok Mei Toh. Urusan perniagaan tertuduh pada hari itu tidak berjalan selancar yang dia harapkan dan dia memandu dalam keadaan tidak puas hati sambil bertengkar dengan isterinya.

(4) Pada malam itu juga, si mati bersama dengan teman wanitanya bernama Wong, juga berada di lebuh raya KESAS. Si mati memandu kereta Proton Waja bernombor pendaftaran WKB 6561 bersama adik dan teman wanitanya. Mereka datang dari USJ menuju ke Kampung Baru, Salak Selatan bertujuan hendak makan malam dengan ibu, mak

saudara dan bapa saudara mereka. Mereka mengekori sebuah kereta Nissan Sentra yang dipandu oleh adik Wong yang menunjukkan jalan.

(5) Sewaktu ketiga-tiga kereta sampai di Plaza Tol Awan Besar di lebuh raya KESAS, si mati telah terhilang pandang pada kereta yang sedang dia ikut. Ekoran daripada itu suatu pelanggaran nyaris berlaku antara kereta Proton Waja si mati dan kereta Kia Sorento tertuduh. Ini membangkitkan rasa tidak puas hati pada kedua-dua pihak yang menyebab terjadi semacam perbuatan samseng jalan raya.

(a) Wong mendakwa bahawa perbuatan tertuduh iaitu membunyikan hon dengan marah, menunjukkan isyarat marah dengan tangan dan memek muka, menyala-nyalakan lampu tinggi, memotong kereta mereka dan membrek, dan apabila si mati cuba meninggalkannya, tertuduh mengekori mereka hinggalah ke tempat kejadian.

(b) Menurut tertuduh, si matilah yang memulakan episod ini dengan menunjukkan isyarat lucah dengan jari hantunya dan mencabarnya untuk mengikutnya dan berhenti di suatu tempat di hadapan.

(6) Mereka kemudiannya meninggalkan lebuh raya KESAS memasuki ke lebuh raya Seremban-Kuala Lumpur menghala ke Kuala Lumpur. Sampai di KM3.7 lebuh raya Seremban-Kuala Lumpur iaitu di hadapan Plaza Perabot Desa Petaling, si mati telah memberhentikan keretanya di tepi jalan. Tertuduh juga turut memberhentikan Kia Sorentonya di hadapan kereta si mati. Secara kebetulan ada seorang pemandu teksi telah berada di situ untuk berehat sebentar. Teksi itu berada pada kedudukan kira-kira 10 meter di belakang Proton Waja si mati. Perhatian pemandu teksi itu tertarik kepada dua buah kenderaan yang berhenti di hadapannya dan dia telah menyaksikan tragedi tersebut. Menurut pemandu teksi itu, dia nampak si mati yang berhenti dahulu dan mengisyaratkan kepada tertuduh supaya turut berhenti di situ.

(7) Jarak di antara Plaza Tol Awan Besar hingga ke tempat mereka berhenti adalah kira-kira 4km pada kelajuan purata 60km/j dengan perjalanan memakan masa kurang daripada 4 minit.

(8) Di situ, si mati dan tertuduh telah bersemuka. Mereka mula-mula bercakap-cakap dan kemudian berlaku pertengkaran yang meningkat kepada tolak-menolak. Pemandu teksi mengatakan kejadian itu ada berlaku tumbuk menumbuk (walaupun bedah siasat tidak menunjukkan kecederaan yang konsisten dengan tumbukan dan tertuduh tidak mengalami kecederaan yang pihak polis memikirkan untuk menghantarnya menjalani pemeriksaan perubatan). Tertuduh kemudian pergi ke tempat duduk belakang keretanya dan mengambil sebilah senjata tajam yang berupa pedang atau parang berukuran kira-kira 2 kaki 4 inci.

(9) Tertuduh mengeluarkan pedang/parang itu daripada sarungnya dan pergi ke arah si mati lalu menghayunkan pedang/parang itu sekali ke arah leher si mati dan telah menetak sebelah kiri leher si mati. Tetakan itu membelah sampai ke tulang leher si mati dan memutuskan saraf tunjangnya. Si mati rebah dan mati di situ. Bedah siasat menzahirkan hanya satu kecederaan ini sahaja dan tiada kecederaan yang bersifat mempertahankan diri.

(10) Menurut tertuduh, beliau telah mengambil parang dengan tujuan untuk menakutkan si mati sahaja. Malangnya si mati tidak takut atau berundur malah mencabar beliau dengan bergerak ke hadapan tertuduh.

(11) Tertuduh mencampakkan pedang/parang itu ke lantai penumpang belakang keretanya dan memandu meninggalkan tempat kejadian. Secara kebetulan ada seorang penumpang kereta lain yang sedang lalu di situ dan nampak cara Kia Sorento itu dipandu iaitu dengan tergesa-gesa meninggalkan tempat kejadian. Saksi ini telah mencatit nombor pendaftaran Kia Sorento itu dan memaklumkannya kepada polis.

(12) Bedah siasat yang dilakukan pada pagi keesokannya mendapati si mati pada asalnya seorang yang sihat tubuh badan. Menurut pakar patalogi, si mati meninggal dunia akibat daripada 'slash wound to the neck' dan kecederaan yang dialami oleh si mati ialah:

> Slash wound 11cm x 6cm over the left side of the neck, 8 cm down from the left ear lobule and 5 cm outer to the midline, cutting the blood vessels, muscles, cervical spine (at the level of C6) and the spinal cord.

(13) Selepas kejadian itu, tertuduh balik ke Melaka. Tertuduh ditangkap selang sehari selepas kejadian pada pukul 4.30 pagi, 26 Februari 2005 di kediamannya di sebuah rumah kedai, di Taman Malim Jaya, Melaka. Polis menjumpai, antara lain, 2 bilah lagi pedang/parang yang serupa dengan pedang/parang yang digunakan untuk menetak si mati.

(14) Tertuduh telah menunjukkan kepada polis tempat di mana dia meletakkan kereta Kia Sorentonya, iaitu di tempat letak kereta di sebuah kompleks pangsapuri yang berhampiran di Taman Malim Jaya, Melaka. Polis telah menjumpai pedang/parang yang digunakan dalam serangan tersebut yang masih berada di lantai penumpang belakang kereta Kia Sorento di mana tertuduh telah mencampakkannya. Manakala sarung pedang pula dijumpai di bahagian belakang Kia Sorento itu (kereta Kia Sorento ini tiada ruang boot yang berasingan).

(15) Ekshibit-ekshibit berikut telah dikemukakan oleh TPR:

(a) 9 keping gambar tempat kejadian.

(b) 5 keping gambar sewaktu bedah siasat.

(c) 16 keping gambar rumah kedai tempat tangkapan.

(d) 7 keping gambar kereta Kia Sorento.

(e) Laporan bedah siasat No A103/05.

(f) Laporan Kimia (PJ)FOR 2043/05.

(g) Sebilah pedang/parang.

(16) Fakta dan ekshibit-ekshibit kes ini telah diakui benar oleh tertuduh dan disahkan oleh penguambela. Mahkamah telah menerima pengakuan bersalah tertuduh dan tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan.

RAYUAN MERINGANKAN HUKUMAN

[4] Peguambela bagi pihak tertuduh Encik Edmond Bond telah berhujah secara lisan dan bertulis untuk rayuan meringankan hukuman terhadap tertuduh dengan mengemukakan faktor-faktor berikut:

(1) Tertuduh berusia 31 tahun 6 bulan pada masa kejadian. Tertuduh telah berada dalam reman selama 3 tahun. Sebelum tangkapan, tertuduh mempunyai perniagaan pengiklanan di Melaka dan perniagaannya ini telah menampung kehidupan beliau sekeluarga. Tertuduh mempunyai seorang isteri dan seorang anak yang kini berusia 10 tahun manakala emaknya berumur 70 tahun dan sedang sakit di kampung iaitu di Kuching, Sarawak.

(2) Tertuduh tidak mempunyai niat atau perancangan awal untuk melakukan kesalahan tersebut. Kejadian itu berlaku ekoran daripada kereta si mati yang menghimpit kereta tertuduh tanpa memberi sebarang isyarat dan menyebabkan tertuduh hampir melanggar sebuah kereta yang berada di sebelah kanannya.

(3) Terdapatnya elemen provokasi daripada si mati apabila terlebih dahulu menunjukkan isyarat lucah dengan jari hantunya kepada tertuduh. Si mati seterusnya memberi isyarat supaya mengikutnya dan melambaikan tangannya meminta tertuduh memberhentikan kenderaannya.

(4) Tertuduh memegang parang hanya untuk menakutkan si mati tetapi si mati terus mencabar tertuduh. Kecederaan si mati adalah berpunca dari satu 'slash wound' sahaja dan merupakan hasil daripada 'sudden fight in the heat of passion'.

A (5) Parang yang digunakan oleh tertuduh sememangnya sentiasa berada dalam kenderaan tertuduh memandangkan pekerjaannya membuat papan iklan. Parang tersebut bukanlah bertujuan mencederakan sesiapa atau pun mendatangkan musibah kepada sesiapa.

B (6) Sewaktu ditangkap, tertuduh telah memberi kerjasama dengan pihak polis termasuk menyerahkan barang kes. Tertuduh telah mengaku salah seawal kawad cam dibuat lagi dengan menangis dan meminta maaf kepada teman wanita si mati.

(7) Tertuduh telah mengaku salah apabila pertuduhan pilihan di bawah
C s 304(a) Kanun Keseksaan ditawarkan kepadanya. Ini telah menjimatkan masa dan kos mahkamah.

(8) Tertuduh telah insaf dan kesal dengan apa yang telah berlaku dan tertuduh memohon peluang kedua diberikan kepadanya. Tertuduh ingin kembali ke pangkuan ibu yang sedang sakit di kampung.
D

[5] Tertuduh sendiri telah memohon daripada mahkamah untuk menyatakan perkara-perkara berikut:

(1) Beliau tidak berniat untuk melakukan kesalahan dan berharap agar
E mahkamah dan keluarga si mati dapat memberi peluang kepadanya untuk memulakan kehidupan baru.

(2) Pohon hukuman yang ringan kerana berharap dapat pulang ke kampung untuk berjumpa dengan ibu dan pohon maaf kepada ibu.

F (3) Rasa sangat sedih kerana pada hari itu tidak dapat mengawal kemarahan dan ekoran daripada itu beliau telah menyakiti semua orang terutama keluarga si mati.

RAYUAN MEMBERATKAN HUKUMAN
G

[6] Encik Shamsul bin Sulaiman, TPR memohon mahkamah mengenakan hukuman yang setimpal mengikut fakta kes berdasarkan:

(1) Perbuatan ganas tertuduh tidak seharusnya berlaku. Kejadian
H menghimpit kenderaan antara satu sama lain tidak sama sekali dapat menjustifikasikan perbuatan jenayah tertuduh. Jenayah 'gangster' jalanan ini nampaknya semakin berleluasa dalam masyarakat dan sepatutnya dibendung dengan mengenakan hukuman yang setimpal.

I (2) Pada masa kejadian tertuduh mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai kewujudan pedang dalam keretanya. Tindakan tertuduh mengekori si mati adalah kerana beliau percaya bahawa beliau mempunyai senjata dalam biliknya.

(3) Perbuatan tertuduh mengambil pedang menunjukkan satu tahap

pemikiran yang sedar bahawa adanya senjata dalam kereta. Seseorang yang matang mempunyai banyak pilihan dengan tidak perlu berhenti kerana tiada perlanggaran yang berlaku untuk memaksa tertuduh berhenti.

(4) Tertuduh telah menetak si mati di bahagian badan yang sangat penting iaitu di lehernya dan tetakan tersebut sangat kuat sehinggakan memutuskan saraf tunjang si mati. Laporan bedah siasat menunjukkan serangan datang dengan sangat cepat sehinggakan tiada peluang untuk si mati mempertahankan dirinya. Penggunaan pedang dengan cara yang amat ganas iaitu dengan satu tetakan yang kuat dan cepat pada leher si mati adalah satu faktor pemberat dalam hukuman. Manakala si mati tidak menggunakan senjata atau apa-apa alat untuk mempertahankan dirinya.

(5) Rasa kehilangan dan kerugian yang dialami oleh keluarga/waris si mati akibat kehilangan si mati yang merupakan seorang jurutera penerbangan pada umur yang masih muda dan pada kemuncak hidup iaitu pada usia 35 tahun.

(6) Kepentingan awam atas kematian yang sia-sia perlu dipertimbangkan kerana keluarga dan negara telah kehilangan seorang yang mampu menyumbang kepada keluarga dan juga negara. Selain daripada itu, orang awam seharusnya boleh hidup dengan aman dan selesa kerana insiden sekecil itu tidak sepatutnya mengakibatkan malapetaka seperti ini.

HUKUMAN

[7] Setelah meneliti fakta kes dan hujah dari kedua-dua pihak, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 14 tahun dari tarikh tangkap dengan mengambilkira bahawa perayu telah menggunakan senjata manakala si mati tidak menggunakan sebarang senjata dan tidak diberi peluang untuk mempertahankan dirinya.

[8] Perayu tidak berpuas hati terhadap hukuman dan telah memfailkan rayuan. Begitu juga TPR kemudiannya telah memfailkan rayuan balas terhadap perintah mahkamah tersebut.

ALASAN PENGHUKUMAN OLEH MAHKAMAH

[9] *Fakta kes:* Berdasarkan fakta kes dapat dilihat bahawa sebelum tertuduh menetak si mati, berlakunya suatu pertengkaran antara si mati dan juga tertuduh akibat daripada perbuatan himpit menghimpit di lebuh raya. Tertuduh telah memberhentikan keretanya atas dorongan daripada si mati. Di dalam pertengkaran tersebut, tertuduh telah tidak dapat mengawal

kemarahannya lalu menuju ke keretanya dan mengambil pedang/parang lalu melakukan serangan terhadap si mati dan menghunuskan pedang/parangnya dengan cara yang amat ganas. Mengikut laporan autopsi kematian si mati berlaku dengan begitu cepat sehinggakan si mati tidak berpeluang untuk mempertahankan dirinya. Ini merupakan suatu tindakan yang amat kejam yang didorong oleh perasaan marah dan pertimbangan yang salah oleh tertuduh.

Pada dasarnya pergaduhan yang berlaku itu merupakan suatu pergaduhan kecil sahaja dan provokasi yang diterima tidaklah begitu genting sehingga mendesak tertuduh menggunakan pedang dan menghunuskan pedang tersebut ke leher si mati. Tindakan tertuduh menghunuskan parang tersebut dengan cepat dan tepat ke bahagian penting iaitu di bahagian leher yang menyebabkan si mati meninggal serta-merta menunjukkan bahawa penggunaan pedang tersebut oleh tertuduh bukan sekadar ingin menakutkan si mati. Faktor bahawa tertuduh telah menggunakan senjata manakala si mati pula tidak menggunakan sebarang senjata dalam mempertahankan dirinya telah diambil kira oleh mahkamah ini dalam menjatuhkan hukuman sedemikian.

Ini merupakan suatu tragedi bila mana seseorang itu tidak mampu mengawal perasaan marahnya lalu menyebabkan kejadian seumpama ini dan telah membawa malapetaka kepada keluarga si mati dan juga kepada tertuduh. Sungguh pun tertuduh mempunyai pekerjaan yang baik dan mampu menyumbang kepada negara namun kejadian sedemikian rupa masih berlaku.

[10] *Peruntukan hukuman:* Tertuduh telah mengaku salah selepas pihak pendakwaan menawarkan pertuduhan pilihan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

Seksyen 304(a) berbunyi sedemikian:

Punishment for culpable homicide not amounting to murder

304 Whoever commits culpable homicide not amounting to murder shall be punished —

(a) with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to fine, if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death, or of causing such bodily injury as is likely to cause death; or

Undang-undang telah menetapkan bahawa hukuman maksima terhadap kesalahan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan adalah 20 tahun. Walau bagaimanapun mahkamah ini masih mempunyai budi bicara untuk menjatuhkan hukuman di dalam lingkungan hukuman maksima tersebut. Di dalam kes *R v Ball* (1951) 35 Cr App R 164 menjelaskan bahawa:

> … Our law does not, therefore fix the sentence for a particular offence but it fix a maximum sentence and leaves to it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular criminal, the court has the right and duty to decide whether to be lenient or severe.

Memandangkan penghukuman ini merupakan suatu kuasa budi bicara bagi mahkamah bicara, Mahkamah Rayuan hanya akan campur tangan sekiranya berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan itu gagal memenuhi prinsip undang-undang yang betul. Prinsip ini juga digunapakai oleh Ketua Hakim Singapura Yong Pung How di dalam kes *Soong Hee Sin v Public Prosecutor* [2001] 2 SLR 253:

> Any attempt to reduce the law of sentencing into a rigid and flexible mathematical formula in which all sentences are deemed capable of being tabulated with absolute scientific precision will be highly unrealistic. The regime of sentencing is a matter of law which involves a hotchpotch of such varied and manifold factors that no two cases can ever be completely identical in this regard. Whilst past cases are no doubt helpful and sometimes serve as critical guidelines for the sentencing court, that is also all that they are ie, mere guidelines only. At the end of the day, every case which comes before the courts must be looked at on its own facts, each particular accused in his own circumstances, and counsel be kept constantly and keenly apprised of the fact that it is just not possible to categories cases based simply on mere numerals and decimal points.

[11] *Kepentingan awam:* Di dalam kes ini, mahkamah dalam memutuskan apakah hukuman yang wajar bagi tertuduh telah mengambilkira kepentingan awam dan mengimbanginya dengan kepentingan tertuduh juga. Hukuman yang ideal bukan bermaksud menghukum tertuduh semata-mata tetapi dengan harapan ia dapat mencegah perbuatan jenayah. Kesalahan di bawah s 304 Kanun Keseksaan merupakan suatu kesalahan yang serius. Si mati telah ditetak dengan parang oleh tertuduh hanya kerana suatu pertengkaran atau pergaduhan lisan antara si mati dan tertuduh. Provokasi tersebut tidak cukup untuk menjustifikasikan perbuatan tertuduh menyebabkan kematian si mati. Akibat dari perbuatan tertuduh yang tidak dapat mengawal kemarahannya telah menyebabkan nyawa seseorang telah melayang.

> Nyawa tersebut tidak mungkin diganti dengan wang ringgit dan kehilangan si mati akan terus menjadi trauma serta kenangan pahit kepada keluarga si mati dan tunangnya yang menyaksikan kematiannya. Apa jua hukuman yang dikenakan tentu sekali tidak dapat mengembalikan nyawa yang sangat bernilai itu dan tentu sekali tidak akan dapat membayar kehilangan tersebut.

[12] Adalah besar tanggungjawab mahkamah ini dalam memastikan hukuman yang dijatuhkan bukan sekadar menghukum pesalah tetapi agar ia dapat mencegah perbuatan jenayah bukan hanya kepada pesalah ini tetapi juga untuk memberi pengajaran kepada orang ramai. Kes *Public Prosecutor v*

Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102 yang telah menggunapakai prinsip di dalam kes *R v Kenneth John Ball* 35 Cr AppR 164 dirujuk:

> The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and the best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living.

Oleh yang demikian adalah penting untuk kita mengawal tekanan dan belajar untuk mengurus rasa marah yang timbul. Tertuduh nampaknya terlalu mengikut rasa marahnya dan telah membawa padah. Tindakan menggunakan parang sebagai alat untuk menakutkan si mati adalah suatu tindakan yang salah kerana tertuduh pastinya sedar bahawa senjata itu tentu sekali boleh mengancam nyawa seseorang.

[13] Mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang wajar adalah hukuman yang setimpal dengan kesalahan. Mengguna pakai prinsip berpadanan kesetimpalan dalam hukuman (*proportionality in sentencing*) mahkamah berpandangan ia tidak perlu terlalu lama atau terlalu pendek tetapi hendaklah setimpal atau berpadanan dengan kesalahan yang dilakukan. Nyatalah kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh ini merupakan suatu kesalahan yang amat serius. Kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167; [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 dirujuk yang menerangkan prinsip hukuman seperti berikut:

> ln assessing the length of custodial sentence, the court must look at the overall picture in perspective by considering, firstly the gravity of the type of offence committed, secondly the facts in the commission of the offence, thirdly the presence or a absence of mitigating factors and fourthly the sentence that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy if any. The fact that a sentence of imprisonment is imposed as a deterrence does not justify the sentence in passing a sentence of greater length than the facts of the offence warrant. The gravity of the type of offence involved must be considered in the light of the particular facts of the offence.

Halsbury's Laws of England, Vol 9 para 365 turut menyenaraikan faktor-faktor yang perlu diambilkira dalam menjatuhkan hukuman:

> The court, in fixing the punishment for any particular crime, will take into consideration the nature of the offence, the circumstances in which it was committed, the provocation which he had received, if the crime is one of violence, the antecedants of the prisoner up to the time of the sentence, his age and character.

Mahkamah dalam mengambil kira prinsip di atas merasakan hukuman memenjara yang terlalu lama tidak mungkin dapat menepati objektif pemulihan. Sungguhpun begitu, hukuman yang dikenakan hendaklah mencukupi untuk menjadi pengajaran dan memberi kesan kepada tertuduh serta sebagai deteren kepada bakal-bakal pesalah bahawa nyawa adalah sesuatu yang sangat bernilai yang tidak mungkin dapat ditukar ganti atau disia-siakan serta memberi pengajaran agar tidak mengulangi kesalahan ini kelak.

[14] *Pengakuan salah:* Mahkamah juga mengambilkira faktor mitigasi lain seperti pengakuan salah tertuduh kerana telah menjimatkan masa dan kos mahkamah. Diskaun yang diberikan atas pengakuan salah tertuduh adalah dikira berdasarkan kepada tempoh hukuman yang akan dikenakan dan bukan berdasarkan kepada hukuman maksimum yang ditetapkan undang-undang. Yang Arif Mohamed Azmi SCJ di dalam kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* menjelaskan seperti berikut:

> … It is generally accepted that the extent of the reduction on account of plea of guilty would be between one quarter and one third of what otherwise would have been the sentence.

[15] Mahkamah sedia maklum bahawa tidak ada sebarang peraturan yang menyatakan bahawa pengakuan salah merupakan suatu faktor yang membolehkan tertuduh mendapatkan hukuman yang ringan secara automatik. Walau bagaimanapun mahkamah berpendapat umur tertuduh tidak sepatutnya disia-siakan di dalam penjara sahaja memandangkan tertuduh masih muda, mempunyai keluarga dan pekerjaan yang baik sebelum ini. Tertuduh juga nampaknya telah berasa kesal atas perbuatannya itu. Sungguh pun rekod sabitan lampau menunjukkan bahawa tertuduh pernah diberikan bon berkelakuan baik pada tahun 1987 atas kesalahan mencuri namun ia tidak patut digunakan sebagai faktor pemberat di dalam kes ini.

[16] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas mahkamah mengenakan hukuman penjara ke atas tertuduh selama 14 tahun berkuatkuasa dari tarikh ditangkap iaitu 26 Februari 2005. Mahkamah berpendapat hukuman penjara yang dikenakan adalah wajar, adil dan berpatutan berdasarkan kepada fakta dan keadaan kes ini.

Rayuan ditolak.

Reported by Mashrifah Ravendran